



**JABATAN AKAUNTAN NEGARA MALAYSIA**

**NEGERI PERLIS**

Tingkat 3, Bangunan Persekutuan

Persiaran Jubli Emas

01000 Kangar

PERLIS

Telefon : 04-9762766/9762735

04-9762657/9762744

Faks : 04-9762668

Laman Web : <http://portalpp.anm.gov.my/perlis>

Ruj. Kami : ANM.PS (A)0050 (45)

Tarikh : 15 Disember 2022

Semua Ketua Jabatan Persekutuan / Ketua Pusat Tanggungjawab

Tuan/Puan,

**PENYEDIAAN SIJIL PERAKUAN PANJAR WANG RUNCIT AKHIR 2022**

Dengan segala hormatnya perkara di atas adalah dirujuk.

2. Menurut Arahan Perbendaharaan 113(f) telah dinyatakan bahawa "*Pada penghujung tahun semua pemegang panjar hendaklah mengemukakan satu salinan Sijil Perakuan Panjar bersama-sama rekupmen terakhir bagi tahun tersebut kepada **Akauntan Negara** dengan satu salinan kepada **Ketua Audit Negara**. Sijil Perakuan Panjar perlu dikemukakan bersama-sama rekupmen akhir ke Pejabat Perakaunan di mana rekupmen dibuat dan apungan berada*".

3. Sehubungan itu, semua pemegang panjar di Pusat Tanggungjawab(PTJ) diminta untuk menyediakan dan menghantar Sijil Perakuan Panjar beserta dokumen sokongan sebanyak **3 set dokumen asal** kepada Jabatan Akauntan Negara Negeri Perlis selewat-lewatnya **6 Januari 2023(Jumaat)**. Sijil ini boleh dicetak mulai 31 Disember 2022 dan sebarang transaksi panjar tahun 2023 hanya boleh dilakukan setelah Sijil Perakuan Panjar dicetak.

4. Bersama-sama ini dilampirkan tatacara penyediaan dokumen untuk tindakan selanjutnya.

Sekian, terima kasih.

**"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"**

**"Inovasi Digital Pemacu Prestasi Unggul"**

Saya yang menjalankan amanah,

(DATIN SALWANI BINTI RAHMAT C.A.(M) )

Pengarah Negeri

Jabatan Akauntan Negara Malaysia

Negeri Perlis.